

Pendidikan untuk semua, tiada siapa tercicir

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof Madya Dr. Abdul Said Amboang & No Fatinah Mohamad

UB 27.10.2021 P. 05

PENDIDIKAN merupakan satu aspek yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat di seluruh dunia sejak zaman dahulu lagi.

Antara agenda besar yang mampu mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia adalah pendidikan.

Sekiranya tiada pendidikan, manusia akan dianggap mundur. Dalam sesebuah masyarakat, pendidikan itu diperlukan dalam sistem nilai yang mampu dikembangkan untuk menghasilkan masyarakat yang beretika tinggi dalam kehidupan.

Hal ini kerana pendidikan seharusnya menjadi penyelesaian atau solusi kepada implikasi yang melanda dalam masyarakat dan menjadi tunggak pemakan kepada masyarakat yang maju, bersatu padu dan berdaya saing. Terdapat pepatah Inggeris mengatakan

"It takes a village to raise a child". Setiap individu merupakan pendidik dan seharusnya menggalas tanggungjawab ini bersama-sama demi masa depan negara. Hal ini kerana pendidikan merupakan asas pembangunan dan perkembangan individu.

Selain itu pendidikan juga dapat menjamin penghasilan sumber manusia untuk memenuhi pelbagai sektor dalam sesebuah negara. Pendidikan Malaysia juga menyokong pengisytiharan UNESCO iaitu 'Education for All' dan agenda 'No Child Left Behind' untuk tujuan pembangunan lestari.

Di Malaysia, falsafah pendidikan merupakan nadi kepada pelaksanaan pendidikan kebangsaan iaitu

sebagai dasar, hala tuju dan panduan kepada segala usaha yang dilakukan dalam sistem pendidikan, seterusnya bagi peningkatan mutu pendidikan negara setaraf dengan negara luar.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan tonggak kepada sistem Pendidikan Kebangsaan.

FPK mempunyai gambaran cita-cita dan hala tuju kepada semua usaha dan perjuangan rakyat Malaysia melalui proses Pendidikan.

Menurut Falsafah Pendidikan Negara, pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepudu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlaq mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mendapat kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sistem pendidikan negara menjurus kearah melahirkan individu yang perlu mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang di samping perkembangan rohani dan emosi iaitu aspek personaliti yang sihat supaya mereka mampu memberi sumbangan kepada kesejahteraan serta kemajuan bangsa dan negara.

Kebanyakan mereka juga tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan disebabkan hidup mereka dalam keadaan miskin. Pelajar yang tinggal di luar bandar sering dikaitkan dengan tahap pendidikan rendah. Dalam konteks ini, terdapat persoalan mengapa wujudnya jurang pencapaian di antara pelajar sekolah luar bandar dan pelajar sekolah bandar selain kemiskinan menjadi faktor utama.

Kerajaan telah menambah-

baikan sistem Pendidikan negara secara menyeluruh dari peringkat prasekolah ke peringkat universiti.

Sehubung dengan itu aspek pendidikan ini memainkan peranan penting untuk menjayakan masa depan negara. Antara Langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah transformasi dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah ke Kurikulum Standard Sekolah Rendah mulai tahun 2011.

Tambahan pula, kerajaan terus menyediakan peruntukan yang terbesar sehingga melebihi 16% daripada jumlah hajat, kepada Kementerian Pendidikan pada setiap tahun. Peruntukan ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pendidikan sebagai satu daripada keutamaan negara.

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa isu kemiskinan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan berlakunya jurang pendidikan di negara kita.

Meskipun pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam membendung isu ini, namun masalah ini kerap membelenggu masyarakat pada zaman kini. Keckiran kanak-kanak yang tinggal di luar bandar dari pelbagai aspek merupakan faktor kemiskinan yang dihadapi oleh mereka.

Kebanyakan mereka juga tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan disebabkan hidup mereka dalam keadaan miskin. Pelajar yang tinggal di luar bandar sering dikaitkan dengan tahap pendidikan rendah. Dalam konteks ini, terdapat persoalan mengapa wujudnya jurang pencapaian di antara pelajar sekolah luar bandar dan pelajar sekolah bandar selain kemiskinan menjadi faktor utama.

Selain itu, antara cabaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan

jar merujuk kepada kesukaran menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kegagalan untuk mencapai standard minimum menyebabkan pelajar berisiko tinggi untuk cicir daripada sistem pendidikan.

Kemiskinan keluarga merupakan faktor keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Terdapat beberapa peluang pendidikan yang ditawarkan oleh kerajaan, swasta, badan NGO dan persendirian untuk mencungkil kemahiran dan bakat yang terdapat dalam setiap murid untuk mengelakkan keciciran murid dalam pembelajaran.

Langkah ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar miskin di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010).

Hal ini menunjukkan terdapat banyak lagi kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan ini.

Sehubungan dengan itu, ke-

banjakan lokasi tempat tinggal pelajar di luar bandar terletak di kawasan pendalamannya menyukarkan mereka untuk pergi ke sekolah disebabkan kemudahan pengangkutan dan infrastruktur di kawasan luar bandar yang kurang memuaskan.

Hal ini menyebabkan mobilisasi pelajar untuk sekolah terjejas. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan kemudahan infrastuktur dan kemanduan pendidikan khususnya di luar bandar terutamanya kawasan Sabah dan Sarawak untuk memastikan semua sekolah mempunyai prasarana mengikut standard minimum.

Bantuan telah dikhususkan kepada pelajar miskin untuk mengurangkan isu keciciran pelajar.

Selain itu, antara cabaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan

pendidikan untuk semua ialah isu keciciran pelajar dari kalangan kaum minoriti masyarakat Orang Asli.

Untuk mencapai hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, pihak KPM telah bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam usaha meratifikasi jurang pendidikan dalam kalangan pelajar di negara ini dan bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat Orang Asli dalam pendidikan.

Masalah jurang pendidikan ini sepertinya dapat diatasi sekitarannya kerajaan mengambil langkah proaktif dan usaha bagi membantu masyarakat luar bandar keluar dari kepompong kemiskinan melalui pendidikan.

Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sejak tahun 2017 telah disemak semula untuk memastikan sistem penyampaian bantuan kepada kumpulan sasaran adalah lebih cekap dan berkesan.

Langkah ini merupakan salah satu cara mengurangkan beban keluarga dalam aspek perbelanjaan pendidikan bagi masyarakat luar bandar serta memberi bantuan kepada pelajar miskin supaya mereka tidak tercicir dalam meneruskan persekolahan selaras dengan pelaksanaan kerajaan juga berusaha untuk meningkat taraf Pendidikan setiap golongan masyarakat dengan mempertingkatkan keupayaan sekolah berkonsep sekolah bestari dan bersepudu selaras dengan dasar Pendidikan yang dijalankan.

Selain itu, Jabatan Pendidikan Khas telah melancarkan 'program outreach' iaitu satu perkhidmatan bergerak untuk mengenal pasti kanak-kanak berkeperluan khas di bawa lingkungan umur pra persekolah.

Program ini bertujuan memastikan maklumat Jurang pencapaian pelajar

berkaitan pendidikan khas, kebijakan murid serta hal berkaitan masalah pendengaran, pertuturan, penglihatan serta masalah pembelanjaran dapat disebarluaskan.

Menyediakan kemudahan dan membekalkan bantuan di semua sekolah terutamanya sekolah pendalamannya untuk mengelakkan keciciran pelajar di negara ini dan bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat Orang Asli dalam pendidikan.

Antara kemudahan seperti kemudahan fizikal, asrama, buku teks, perpustakaan dan bantuan makanan tambahan.

Tujuan bantuan tersebut untuk memberikan kemudahan kepada para pelajar dan membendung jurang pendidikan.

Misalnya, fungsi asrama dibina untuk memberikan kemudahan hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia.

Dengan adanya Pendidikan, ia dapat membantu murid membina keyakinan diri, memahami diri sendiri untuk berhadapan dengan dunianya, serta menikmati kemudahan yang terdapat di sekitarnya.

Apabila perlu dipastikan ialah mencapai kecemerlangan kualiti dan kejayaan hidup melalui pendidikan.

Sebuah pihak seharusnya menumpukan perhatian awal terutamanya kanak-kanak atau murid dari peringkat rendah.

Kanak-kanak diibaratkan kain putih yang perlu bimbang untuk mencorakkan kehidupan mereka.

Kanak-kanak merupakan khazanah dunia yang paling berharga kerana wujudnya pendidikan terwali bermula dari zaman kanak-kanak.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Boleh dihubungi melalui solat5@yahoo.com

anak mereka. Pencapaian prestasi pelajaran yang baik merupakan harapan setiap ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka berjaya dalam hidup mereka. Keberhasilan kejayaan pelajar merupakan aset kepada negara yang akan meneraju keimpian negara pada masa hadapan. Oleh itu, peranan ibu bapa sangat mempengaruhi prestasi pendidikan anak-anak sejak di peringkat sekolah rendah atau di awal pendidikan.

Usaha pasti akan membawa hasil jika pelbagai langkah yang efektif dan drastik dilakukan segera untuk membendung isu keciciran pelajar dalam pendidikan.

Hal ini kerana, pendidikan merupakan asas untuk mengekalkan hasil jika pelbagai langkah yang efektif dan drastik dilakukan segera untuk membendung isu keciciran pelajar dalam pendidikan.

Dalam isu pendidikan untuk semua, golongan pelajar Pendidikan khas juga tidak terkecual.

Pihak kementerian telah menyediakan prasarana pendidikan khas dengan membina sekolah pendidikan khas yang terdiri daripada sekolah rendah dan sekolah menengah serta menjalankan program pendidikan khas integriti di sekolah harian bagi membolehkan lebih ramai murid OKU mendapat pendidikan formal.

Walau bagaimanapun, sebahagian para sarjana pendidikan berpendapat bahawa ibu bapa perlu memastikan anak-anak mereka diberi sokongan dan bimbingan terhadap keperluan dan kepentingan pendidikan bagi membolehkan mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Ibu bapa juga merupakan nadi utama dalam pencapaian pendidikan anak-